

Surat khabar: Utusan Sarawak
Hari/Tarikh: 10/04/2012, Selasa
Muka surat: 3

Tajuk : Persidangan Untuk Pengurus berlangsung 16 hingga 18 Mei

Persidangan Untuk Pengurus berlangsung 16 hingga 18 Mei

10/04/2012 utusan sarawak m/s: 3

KUCHING, Ahad — Seramai 150 orang golongan profesional dari pelbagai latarbelakang kerjaya seperti pengurus, pentadbir, pensyarah dalam sektor awam dan swasta dijangka menyertai Persidangan Untuk Pengurus (COMANA) 2012 anjuran Persatuan Pengurus Universiti Malaysia Sarawak (PPU) pada 16 hingga 18 Mei 2012 di Hilton, Kuching.

Persidangan yang bertemakan “Innovation: Tools for Creative Managers” buat kali kedua ini akan membabitkan lima pembentang terkemuka di dalam bidang masing-masing yang terdiri daripada golongan profesional dan ahli akademik di Malaysia.

COMANA 2012 juga bakal menampilkan pembentangan yang menarik dan sesi perkongsian ilmu holistik mengenai pembudayaan inovasi dalam pengurusan. Ia juga akan menjadi wadah kepada sesi perbincangan dan

pertukaran idea di antara pembentang dan peserta mengenai pendekatan untuk menggalakkan pemikiran kreatif di persekitaran tempat kerja.

Persidangan ini juga akan mengetengahkan idea dan amalan terbaik serta cabaran-cabaran di dalam menggalakkan usaha pengurusan organisasi untuk menerapkan amalan penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan secara inovatif ke arah budaya

kerja efektif.

Penyertaan dalam COMANA 2012 masih dibuka dan orang ramai yang ingin mendapatkan keterangan lanjut mengenai persidangan itu boleh menghubungi Mizan Morshidi (082-584487), Nur Syamsiah Jeman (082-583047) atau Siti Sabrina Sabri (082-583873) dan melayari laman sesawang <http://www.pengurus.unimas.my/comana2012>.